



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PREBET MD SAID BIN ADAM MENGENAI
SERANGAN KOMUNIS DI ULU LENGGONG, BALING, KEDAH
PADA 29 OKTOBER 1981 BERSAMAAN 1 MUHARRAM 1402**

NUR ARTINI BINTI TUKIMAN

(2013886844)

SITI NURUL ATIQA BINTI ADAM

(201341816)

JIM 246 5A

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR
CAWANGAN SEGAMAT**

SEMESTER SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	1
PENGHARGAAN	2
BIODATA PENEMUBUAL	3-4
BIODATA TOKOH	5
Pengenalan	6
TRANSKRIP WAWANCARA	7-51
LOG WAWANCARA	52-58
INDEKS	59-65
RUJUKAN	66
LAMPIRAN	
i. SENARAI SOALAN	67-70
ii. DIARI PENYELIDIKAN	71-73
iii. GAMBAR	74-76
iv. PERJANJIAN	77-79

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	1
PENGHARGAAN	2
BIODATA PENEMUBUAL	3-4
BIODATA TOKOH	5
PENGENALAN	6
TRANSKRIP WAWANCARA	7-51
LOG WAWANCARA	52-58
INDEKS	59-65
RUJUKAN	66
LAMPIRAN	
i. SENARAI SOALAN	67-70
ii. DIARI PENYELIDIKAN	71-73
iii. GAMBAR	74-76
iv. PERJANJIAN	77-79

PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN–PREBET MD SAID BIN ADAM

ABSTRAK

Transkrip wawancara bersama dengan Prebet Md Said bin Adam, pejuang negara mengenai pengalaman serangan komunis yang berlangsung di Ulu Lenggong, Baling, Kedah.

Abstrak: Wawancara ini telah dijalankan di antara saudari Siti Nurul Atiqah binti Adam dan Nur Artini binti Tukiman dengan Prebet Md Said bin Adam. Wawancara ini dijalankan di rumah beliau yang beralamat di 961-4, KM6, Jalan Pulau Gadong, Klebang Besar, 75200 Melaka Bandaraya Bersejarah pada tujuh haribulan dua belas tahun dua ribu empat belas (7/12/2014) pada jam sembilan tiga puluh (9.30) malam dan ,mengambil masa selama tiga jam. Prebet Md Said telah dilahirkan pada 20 Februari 1961dan sekarang beliau berumur lima puluh tiga (53) tahun. Beliau telah dilahirkan di Melaka. Prebet Md Said telah memulakan kerjayanya sebagai askar pada umur lapan belas (18) tahun tiga (3) bulan. Sekarang, beliau merupakan ketua nelayan bagi kawasan Klebang Besar, Melaka. Sepanjang temu ramah ini, Prebet Md Said banyak menceritakan tentang pengalaman beliau sebelum, semasa dan selepas serangan komunis itu. Di akhir temu ramah ini pula, Prebet Md Said juga telah ditanya tentang harapan beliau terhadap generasi muda sekarang tentang semangat mempertahankan negara. Apa yang dilihat sepanjang wawancara ini berlangsung adalah Prebet Md Said merupakan seorang pejuang negara yang sangat bersemangat serta turut berusaha untuk memberikan kerjasama yang terbaik bagi manjayakan wawancara ini.

Katakunci:*Prebet Md Said, RAMD, Komunis, Ulu Lenggong, Baling, Kedah, Pejuang Negara.*

PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN-PREBET MD SAID BIN ADAM

PENGENALAN

Setiap negara memerlukan anggota keselamatan dan pertahanan. Begitu juga di Malaysia. Kita telah dijajah oleh Portugis, Belanda, British dan Jepun. Malah kita telah dibelot dan diserang oleh Komunis. Pada masa itu, Tanah Melayu mempertahankan daerah masing-masing dengan Pahlawan-Pahlawan Melayu antaranya Dato Bahaman, Tok Janggut, Mat Kilau, Dato Maharajalela dan lain-lain lagi. Setelah Tanah Melayu telah dijajah oleh British, mereka telah memperkenalkan sistem keselamatan yang sistematik di mana telah mewujudkan Anggota Keselamatan iaitu Polis dan juga Anggota Pertahanan yang telah dinamakan dengan nama Rejimen Askar Melayu. Sistem Polis dan juga Sistem Ketenteraan mengikut sistem British pada masa itu sehingga kini.

Kemunculan ideologi dan pengaruh komunis² di Tanah Melayu dapat di kesan pada tahun 1921 atau 1922. Kemunculan awal ideologi komunis dapat dikesan melalui beberapa penerbitan komunis dalam bahasa Cina yang tersebar seperti Buku bertajuk "Komunis dan Negara China" karangan Tsz Yan dan risalah komunis yang bertajuk "Parintis" (Pioneer). Bahan bacaan ini hanya sebagai bukti terhadap adanya penyebaran ideologi komunis.

Namun dari segi sokongan dan pengaruhnya masih boleh diperdebatkan. Ini kerana sehingga tahun 1924 belum ada usaha dari Parti Komunis China (PKC) untuk mengembangkan sayap ke sini. PKC mula menjalin hubungan dengan masyarakat Cina di Tanah Melayu pada 1925.

Bak kata pepatah, gunting dalam lipatan. Itulah ibaratnya orang melayu di dalam parti komunis ini. Sesungguhnya ideologi komunis sebenarnya ada lagi tersebar di dalam kalangan masyarakat kita.